

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA  
Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang 1987/88

ATP 300 UNDANG-UNDANG SYARIKAT DAN KONTRAK

Tarikh: 1 November 1987

Masa: 9.00 pagi - 12.00 t/hari.  
(3 jam)

---

Kertas ini dibahagikan kepada DUA Bahagian: A dan B.  
Bahagian A berkaitan dengan Undang-Undang Kontrak manakala  
Bahagian B berkaitan dengan Undang-Undang Perkongsian dan  
Syarikat.

Jawab EMPAT soalan sahaja iaitu DUA soalan dari tiap-  
tiap bahagian. Setiap soalan mempunyai kadar pembahagian  
markah yang sama.

BAHAGIAN A

1. Di dalam bukunya "Principles of the Law of Contracts,"  
Sir William Anson telah mendefinisikan kontrak sebagai  
... "① suatu perjanjian yang mengikat dari segi undang-  
undang yang dibuat di antara dua pihak atau lebih yang  
② memberikan hak-hak kepada seseorang atau lebih untuk  
melakukan atau tidak melakukan sesuatu ke atas pihak  
④ yang satu lagi atau pihak-pihak lain ..."  
(a legally binding agreement made between two or more  
parties by which rights are acquired by one or more to  
acts or forbearances on the part of the other or  
others).

perjanjian  
ketentuan

Bincangkan samada kenyataan di atas ini mencukupi untuk  
diwujudkan suatu kontrak yang sah di sisi undang-undang.

...2/-

2. Pada 31hb Ogos 1987 yang lalu, Dhab seorang saudagar minyak urut telah membuat satu penawaran (offer) melalui sepucuk surat kepada seorang peniaga bernama Makjon untuk menjualkan empat puluh botol minyak urut dengan harga \$25.00 sebotol. Pada 15hb September 1987 Makjon telah menerima surat tawaran dari Dhab dan terus membuat penerimaan (acceptance) juga melalui sepucuk surat yang diposkan pada hari yang sama. Pada 1hb Oktober 1987 Dhab telah mendengar dari pihak ketiga yang Makjon telahpun menarik balik penerimaan yang dibuat olehnya. Selepas mendengar berita pembatalan ini, Dhab terus menjual minyak uratnya kepada seorang peniaga yang lain, Bee Wak. Setelah beberapa lama Makjon menanti pengiriman minyak urut berkenaan, pada 10hb Oktober 1987 barulah ia tahu yang Dhab telahpun menjualkan minyak urut yang telah ditawarkan kepadanya itu kepada seorang yang lain, Bee Wak. Makjon menjadi marah apabila mendengarkan hal ini, lebih-lebih lagi apabila ia dimakihamun oleh pelanggan-pelanggan tetapnya. Makjon tidak dapat menahan sabarnya lagi dan terus datang berjumpa Dhab di kilang memproses minyaknya. Tanpa banyak bercakap, Makjon terus menumbuk Dhab dengan kuatnya. Dhab sempat mengelakkan tumbukan Makjon itu dan tumbukan berkenaan telah terkena pada sebatang tiang kilang kepunyaan Dhab. ... "Adoi," kata Makjon kesakitan. Serentak dengan itu juga dua batang alang yang telah reput terjatuh dengan sendirinya dan menghempap kepala Makjon. Kepala Makjon menjadi bonjol dan matanya berpinar-pinar. Makjon terus pitam dan tidak sedarkan diri. "... Ini bukan sebahagian dari kontrak kita ..." kata Dhab menyindir Makjon yang sudah berkeadaan separuh nyawa itu.

Apakah pendapat anda sekiranya Makjon ingin mendakwa Dhab atas pemecahan kontrak dan kecederaan yang telah dialaminya? Adakah beliau akan berjaya di dalam tuntutan-nya itu? Berikan jawapan anda dengan merujuk kepada prinsip-prinsip revokasi mengikut peruntukan Akta Kontrak, 1950 dan kes-kes yang telah diputuskan.

3. Bincangkan kaedah-kaedah Pembalasan (rules of consideration) yang sepatutnya dipatuhi di dalam membuat sesuatu kontrak. Apakah kesan-kesan dari segi undang-undang sekiranya kaedah-kaedah ini tidak dipatuhi oleh pihak pihak yang berkontrak?

...3/-

4. Seorang hartawan, Tak Mau telah dijemput untuk menghadiri satu jamuan di sebuah kelab terkemuka, Kelab Lee Chee Kiang. Di dalam jamuan berkenaan, Tak Mau telah dijamukan dengan berbagai-bagai jenis makanan dan minuman keras sehingga beliau menjadi mabuk. Semasa mabuk, Tak Mau telah dibawa masuk ke dalam sebuah bilik yang disinari oleh cahaya lampu neon yang samar-samar. Kemudian muncul seorang lelaki yang berbadan tegap membawa masuk bersama-samanya seorang perempuan cantik. Hanya mereka bertiga sahaja di dalam bilik ketika itu. Lelaki dan perempuan berkenaan terus memberikan beberapa gelas lagi minuman keras kepada Tak Mau sehingga beliau betul-betul mabuk dan khayal. Kemudian mereka memujuk Tak Mau supaya bersetuju dengan mereka untuk menandatangani beberapa dokumen dan surat-surat yang telah siap ditaip. ... "Tak mengapa Tuan, dokumen dan surat-surat ini dapat menambahkan lagi kontrak perniagaan tuan, kalau tuan tandatangani kontrak ini, tuan akan menjadi bertambah kaya dan akan menjadi orang yang ternama ..." pujuk perempuan berkenaan. Walaupun Tak Mau berkeadaan mabuk, namun beliau masih enggan menandatangani dokumen-dokumen berkenaan. Kedua-dua lelaki dan perempuan berkenaan terus menujuk Tak Mau. Kerana terlalu mabuk dan terlalu banyak mendengar cakap lelaki dan perempuan berkenaan, Tak Mau telah termuntah. Kebetulan muntahnya itu terkena ke muka lelaki berkenaan. Habis muka lelaki itu dengan air liur dan lendir muntah Tak Mau. Keadaan ini telah menyebabkan lelaki itu naik marah dan terus mencabut sebilah pedang yang dibawanya. Pedang itu diletakkan betul-betul di atas tengkok Tak Mau. Dengan nada mengugut lelaki itu bersuara: "...Sekarang tandatangani semua surat-surat ini kalau tak mahu leher kamu putus. Nyawa atau pedang!" Dalam keadaan menggeletar, Tak Mau terpaksa juga menandatangani dokumen-dokumen dan surat-surat yang dikemukakan kepadanya itu.

Sebulan selepas kejadian ini, Tak Mau mendapati beberapa jenis hartabenda kepunyaannya telah tergadai kepada beberapa institusi kewangan tanpa keizinannya. Kini, Tak Mau bercadang untuk mengambil kembali segala hartabendanya yang telah tergadai itu. Apakah alasan-alasan yang boleh digunakan olehnya bagi membawa tindakan undang-undang terhadap pihak-pihak yang terlibat?

...4/-

BAHAGIAN B

5. Sebagai seorang pakar undang-undang dan peguam yang bertaualiah, anda telah dijemput untuk memberikan suatu seminar kepada kakitangan akademik Universitas Pontianak, Indonesia atas tajuk "Kaedah-kaedah atau cara-cara untuk menubuhkan, menjalankan dan membubarkan sesuatu perkongsian (partnership) di Malaysia." Nyatakan secara terperinci perkara-perkara penting yang perlu anda sebutkan di dalam seminar ini.
  
6. Encik Harubiru, seorang ahli perniagaan Jepun sedang dalam rangka lawatan selama sebulan ke Malaysia. Tujuan lawatan ini ialah untuk meninjau kemungkinan-kemungkinan bagi mengadakan usahasama di antara ahli-ahli perniagaan Jepun dengan ahli-ahli perniagaan di Malaysia. Anda telah dilantik sebagai seorang jururunding (consultant) bagi mengendalikan lawatan Encik Harubiru berkenaan. Sepanjang lawatan, Encik Harubiru telah begitu tertarik hati dengan berbagai bentuk perniagaan yang terdapat di negara ini. Walau bagaimanapun, beliau telah terkeliru di antara kriteria sebuah syarikat dan perkongsian. Sebagai seorang jururunding, anda telah diminta oleh Encik Harubiru untuk menerangkan secara jelas perbezaan-perbezaan di antara sebuah syarikat dan perkongsian. Sila jalankan tugas anda dengan sempurna!
  
7. Apakah kesan undang-undang bagi sesuatu kontrak yang dibuat sebelum sesebuah syarikat itu diperbadankan? Bincangkan kesan-kesan ini dengan merujuk kepada peruntukan-peruntukan yang terdapat di dalam Akta Syarikat, 1965 (Disemak 1973) dan kes-kes yang telah diputuskan.
  
8. Ulam Raja dan Ulam Geti merupakan dua orang adik beradik yang giat berniaga. Mereka menubuhkan sebuah syarikat usahasama yang didaftarkan dengan nama Gedoq-gedoq Sdn. Bhd. Objek utama syarikat ini ditubuhkan ialah untuk memelihara binatang ternakan seperti lembu, kambing dan ayam itik. Syarikat ini juga telah mendapat pinjaman wang sebanyak \$50,000.00 daripada sebuah institusi kewangan, Chettybank Bhd. Sebanyak 50 ekor lembu, 100 ekor kambing dan 300 ekor ayam itik telah dibeli untuk dibuat pelaburan. Sebidang tanah juga telah diperolehi bagi memelihara binatang-binatang

...5/-

ternakan ini. Pada enam bulan yang pertama, penternakan Syarikat Gedoq-Gedoq Sdn. Bhd. telah menunjukkan prestasi yang menggalakkan. Malangnya selepas tempoh enam bulan ini, hujan telah turun hampir setiap hari dengan lebatnya. Banjir telah terjadi dan hampir semua rumput-rumput untuk makanan binatang ternakan telah musnah. Lembu-lembu kepunyaan syarikat ini telah mengalami penyakit lelah, batuk kering dan demam menggigil. Kambing-kambing pula telah mengalami penyakit kembung, semput dan cirit-birit. Ayam itik pula telah terkena penyakit takut kerana lepas air melimpah, banyak biawak dan musang yang menyerang dan menakut-nakutkan mereka. Sehari demi sehari lembu, kambing dan ayam itik ini mengalami kematian. Ini telah menyebabkan kerugian kepada Syarikat Gedoq-Gedoq Sdn. Bhd. yang akhirnya terpaksa dihentikan usaha penternakan ini.

Tidak berapa lama kemudian, Syarikat Gedoq-Gedoq Sdn. Bhd. telah membuat suatu perniagaan yang lain pula iaitu memproses budu dan cencaluk. Perniagaan ini telah mendapat sambutan ramai tetapi keuntungannya tidaklah begitu banyak. Hutang yang dibuat oleh syarikat ini dengan Chettybank Bhd. masih belum dapat dijelaskan. Walau bagaimanapun, dengan sokongan beberapa orang kawan-kawan Ulam Raja dan Ulam Geti, syarikat ini telah berjaya juga mendapatkan pinjaman kewangan secara peribadi dari seorang taukeh Cina, Kah Tak Ong. Jumlah pinjaman kali ini ialah sebanyak \$20,000.00 Dengan tambahan modal ini, Syarikat Gedoq-Gedoq Sdn. Bhd. telah dapat membina sebuah kilang memproses budu dan cencaluk secara lebih sempurna. Pengeluaran harian pula telah mula meningkat. Mendengarkan perkembangan ini, taukeh Kah Tak Ong telah membuat keputusan untuk melawat syarikat berkenaan. Semasa memasuki kilang memproses budu dan cencaluk, dengan tidak disangka-sangka taukeh Kah Tak Ong telah jatuh pitam dan muntah-muntah kerana terhidu bau budu dan cencaluk. ... "Aaiya, ini macam punya business mana boleh jadi. Mau bunuh orang ke?" sungut taukeh Kah Tak Ong selepas beliau pulih. "Gua (saya) mau saman lu (kamu), bikin olang (orang) suku nyawa! Gua mau balik wang gua, bagi balik cepat!!!" tunjuknya tepat ke arah Ulam Raja dan Ulam Geti. Kedua-duanya menjadi pucat bagaikan tikus takutkan kucing. Sudahlah dua hari yang lalu Chettybank Bhd telah menghantarkan saman kepada mereka, kini taukeh Kah Tak Ong pula menuntut bahagiannya! Nasihatkan Ulam Raja dan Ulam Geti.

